# BAB 9

# DASAR LUAR MALAYSIA

**Bahagian A [Soalan Objektif]**

1. Apakah tujuan utama Malaysia melaksanakan dasar luar?
   A. Memastikan negara aman
   B. Memastikan hubungan dengan negara lain sentiasa erat
   C. Memenuhi keperluan dan kepentingan negara
   D. Berusaha setanding dengan negara lain

| |
|---|
| ▪ P'an-p'an<br>▪ Langkasuka<br>▪ Chih-t'u |

2. Bagaimanakah cara kerajaan-kerajaan awal di atas menjalin hubungan dengan negara China?
   A. Menghantar warkah
   B. Menghantar utusan
   C. Membayar ufti
   D. Menghantar wakil pembesar

| |
|---|
| ▪ China<br>▪ Ryukyu<br>▪ Siam |

3. Apakah bentuk hubungan antara Kesultanan Melayu Melaka dengan kerajaan-kerajaan di atas?
   A. Hubungan ekonomi
   B. Hubungan perdagangan
   C. Hubungan politik
   D. Hubungan diplomatik

4. Mengapakah hubungan luar sangat penting kepada Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke 15?
   A. Mengekalkan penguasaan terhadap aktiviti perdagangan di Selat Melaka.
   B. Memastikan Melaka kekal sebagai kuasa besar dalam Kepulauan Melayu.
   C. Menjadikan Melaka sebuah kerajaan termashyur.
   D. Mengelakkan Melaka dikuasai oleh kuasa asing.

5. Penyataan berikut ialah peranan bagi

| |
|---|
| Menggubal dasar luar serta menjaga kepentingan nasional Malaysia |

   A. Kementerian Luar Negara
   B. Wisma Putra
   C. Jabatan Perdana Menteri
   D. Kementerian Pertahanan

6. Bagaimanakah hubungan Malaysia dengan negara-negara Arab terjalin?
   A. Melalui ikatan keagamaan
   B. Melalui ikatan perdagangan
   C. Melalui ikatan diplomatik
   D. Melalui ikatan nasional

7. Berikut ialah negara yang menjalin hubungan dengan Malaysia melalui ikatan sejarah dan budaya serantau
   I. Thailand
   II. Turki
   III. Belanda
   IV. Indonesia
   A. I dan II
   B. II dan III
   C. I dan IV
   D. II dan IV

8. Apakah kepentingan Malaysia menjaga hubungan baik dengan negara luar?
   A. Mengukuhkan ekonomi negara
   B. Menjamin kedudukan Malaysia di mata dunia
   C. Memelihara keamanan sejagat
   D. Menjaga kebajikan rakyat Malaysia yang berada di luar negara



LIVEWORKSHEETS

9. Gambar di atas ialah logo Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Apakah matlamat penubuhan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)?
   A. Mengekalkan keamanan dan kestabilan dunia
   B. Mengukuhkan ekonomi negara anggota
   C. Memelihara nasib negara bergolak
   D. Mewujudkan kerjasama ekonomi

10. WHO (World Health Organization) ialah pertubuhan untuk menyelesaikan isu berkaitan
   A. Ekonomi
   B. Politik
   C. Kesihatan
   D. Pendidikan

| |
|---|
| Menjaga dan melindungi golongan pelarian serta golongan yang tidak bernegara. |

11. Pertubuhan yang bertanggungjawab ke atas perkara berikut ialah
   A. FOA
   B. UNCHR
   C. WHO
   D. UNESCO

12. Hasil penglibatan aktif Malaysia dengan UNESCO, Gunung Mulu dan Taman Kinabalu telah diiktiraf sebagai
   A. Tempat pelancongan utama dunia
   B. Kawasan larangan teroka
   C. Rizab kerajaan
   D. Tapak Warisan Dunia

13. Mengapa Malaysia mengambil langkah membenarkan pelarian tinggal sementara di negara ini?
   A. Tidak pernah menandatangani Konvensyen Status Pelarian 1951
   B. Telah mengadakan perjanjian dengan negara lain
   C. Mengadakan usahasama membantu pelarian
   D. Menandatangani memorandum Pelarian Antarabangsa

| |
|---|
| Congo<br>Namibia<br>Bosnia dan Herzegovina |

14. Malaysia telah terlibat dengan negara-negara di atas melalui
   A. Hubungan politik
   B. Misi pengaman PBB
   C. Kerjasama ekonomi
   D. Hubungan perdagangan

15. Apakah tugas pasukan pengaman Malaysia?
   I. Menjaga sempadan negara bergolak
   II. Memberi bantuan senjata kepada tentera asing
   III. Mengawasi gencatan senjata
   IV. Mengawal perairan daripada dicerobohi
   A. I dan II
   B. I dan IV
   C. II dan III
   D. II dan IV



16. Gambar di atas merujuk barisan Pegawai Pemerhati di Congo. Apakah tugas Pegawai Pemerhati di negara berkenaan?
   A. Menjadi jurupandu ketenteraan
   B. Mengawal sempadan negara
   C. Mengurus penyerahan senjata
   D. Menjadi jurubahasa

17. Mengapa Malaysia terlibat dalam konflik di Timor Leste?
   A. Menjadi Pegawai Pemerhati PBB
   B. Menjadi perantara dengan Indonesia
   C. Mengawal pencerobohan kuasa asing
   D. Membekalkan makanan kepada pelarian


LIVEWORKSHEETS



Tan Sri Dr. Jemilah Mahmood

18. Tokoh di atas bergiat aktif dalam agensi PBB sebagai
   A. Peguam dan pendakwa raya
   B. Doktor Perubatan dan aktivis kemanusiaan
   C. Pegawai Tadbir Diplomatik
   D. Menteri Luar Negeri

Logo Komanwel

19. Bagaimana pertubuhan Komanwel diwujudkan?
   A. Gabungan negara-negara Asia
   B. Negara bekas tanah jajahan dan naungan British yang merdeka
   C. Negara-negara rantau Asia Tenggara
   D. Negara-negara pro Barat

20. Apakah tujuan Rancangan Colombo ditubuhkan?
   A. Menangani masalah kemiskinan dalam kalangan anggota Komanwel
   B. Mewujudkan kerjasama ekonomi antara negara anggota
   C. Memberi bantuan kewangan kepada negara-negara yang mundur
   D. Menjadi perantara antara negara membangun dengan negara maju

21. Apakah isu penting yang menjadi perhatian Komanwel?
   A. Isu pencemaran
   B. Dasar Apartied
   C. Masalah pelarian
   D. Perebutan negara



Malaysia menjadi tuan rumah Sukan Komanwel pada tahun 1998

22. Tujuan utama penyertaan Malaysia dalam Sukan Komanwel ialah
   A. Meningkatkan semangat para atlet Malaysia
   B. Membuka mata dunia keupayaan sukan Malaysia
   C. Meningkatkan kemajuan sukan negara
   D. Mengeratkan hubungan antara negara anggota

23. Kesan pengamalan dasar berkecuali membolehkan Malaysia
   A. Meningkatkan kedudukan ekonomi negara
   B. Mewujudkan kerjasama dengan negara Eropah
   C. Menjalinkan hubungan dengan negara China
   D. Menjalin hubungan diplomatik dengan negara Arab

24. Apakah manfaat yang diterima Malaysia selepas menandatangani Perjanjian Pertahanan Lima Negara pada 15 April hingga 16 April 1971?
   A. Memperoleh bantuan teknikal dan latihan ketenteraan
   B. Memperoleh dana untuk membangunkan negara
   C. Mendapat tenaga mahir dalam perindustrian
   D. Mendapat pelepasan cukai

| |
|---|
| Malaysia mendesak agar harga barangan dapat dikawal |

25. Desakan Malaysia ini disuarakan melalui
   A. Perjanjian Lima Negara
   B. Perjanjian Umum Tarif dan Perdagangan
   C. Perjanjian Malaysia-Britain
   D. Majlis Timah Antarabangsa



LIVEWORKSHEETS

26. Tujuan utama MAPHILINDO diwujudkan ialah
    A. Meningkatkan hubungan Malaysia, Filipina dan Indonesia
    B. Menjalin kerjasama ekonomi negara serantau
    C. Menyelesaikan isu pembentukan Malaysia
    D. Menggalakkan persahabatan tiga negara

27. Berikut ialah hasil kerjasama ekonomi antara negara-negara ASEAN kecuali
    I. Pengeluaran baja urea di Indonesia
    II. Penghasilan serbuk soda di Thailand
    III. Pengeluaran padi baka baru di Kedah
    IV. Penciptaan teknologi membajak di Kemboja
    A. I dan II
    B. II dan III
    C. I dan IV
    D. III dan IV

28. Apakah manfaat yang diperoleh Malaysia apabila menganggotai Pergerakan Negara-Negara Tanpa Pihak (NAM)?
    A. Malaysia boleh menjalin hubungan dengan negara lain secara terbuka
    B. Malaysia lebih menguasai hubungan serantau
    C. Malaysia manjadi ketua dalam hubungan perdagangan negara anggota
    D. Malaysia bebas menyelesaikan masalah antara negara anggota

Pergerakan Negara-Negara Tanpa Pihak (NAM)

29. Apakah isu yang diperjuangkan Malaysia semasa menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak NAM pada tahun 2003?
    A. Isu pencemaran
    B. Isu pelarian
    C. Isu Palestin
    D. Isu bencana alam

30. Malaysia dan negara anggota NAM telah berjaya menangani masalah Bosnia dan Herzegovina dengan cara
    A. Membebaskan negara tersebut dari Serbia
    B. Menggantung keahlian Yugoslavia
    C. Memerdekakan Bosnia dan Herzegonia
    D. Mendapatkan bantuan daripada pertubuhan dunia

| Pengisytiharan Lusaka |
| --- |

31. Apakah hasil pengisytiharan di atas?
    A. Membantu negara miskin
    B. Mengadakan gencata senjata di negara bergolak
    C. Memberi taraf penduduk sementara kepada pelarian
    D. Mengawal penggunaan senjata nuklear

32. Bagaimanakah tercetusnya idea penubuhan Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dalam kalangan negara-negara Islam?
    A. Serangan ganas puak Zionis terhadap Masjid Al-Aqsa
    B. Pencabulan hak orang Islam di India
    C. Perebutan Kashmir antara India dan Pakistan
    D. Perang Saudara di Sudan

| Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj |
| --- |

33. Tokoh di atas pernah menjawat jawatan dalam Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) sebagai
    A. Pengerusi
    B. Setiausaha Agung
    C. Jurucakap utama
    D. Penasihat



Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

34. Gambar di atas menunjukkan hasil usaha Malaysia Bersama OIC membangunkan bidang pendidikan. Apakah usaha yang ditunjukkan melalui pembinaan universiti ini?
    A. Menyediakan kemudahan asas dalam pendidikan peringkat tinggi
    B. Memberi biasiswa kepada pelajar dari negara OIC untuk belajar di universiti ini
    C. Menawarkan kursus Bahasa Arab kepada semua pelajar
    D. Memberi pengiktirafan peringkat global kepada pelajar yang belajar di universiti ini


LIVEWORKSHEETS